

# Pengeluar produk jenama Malaysia bermutu dibantu

BH 22/7/03

KERAJAAN bersedia menyediakan pelbagai bantuan kepada industri yang bersungguh-sungguh mahu mewujudkan jenama Malaysia yang diiktiraf pada peringkat antarabangsa, kata Menteri Kewangan Kedua, Datuk Jamaludin Jarjis.

Beliau berkata, keupayaan menghasilkan produk berjenama Malaysia akan membuktikan Malaysia mempunyai sumber dan keupayaan dalam mendapatkan paten serta melakukan pembangunan dan penyelidikan (R&D).

"Kita ada produk tetapi usaha perlu ditumpukan bagi meningkatkan nilai produk terbit.

"Kita akan bantu sektor swasta dalam mewujudkan jenama Malaysia bertaraf dunia," katanya pada majlis pelancaran Komputer Peribadi Tablet yang dikatakan terkecil dan paling ringan di dunia.

Beliau mewakili Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

PC Tablet seberat 930 itu asalnya diba-

ngunkan ahli teknologi Russia tetapi dikembangkan aplikasi, litar utama dan rekaannya oleh Gerak Mobile Technology Sdn Bhd.

Sementara itu, Ketua Eksekutif Gerak Mobile Technology, Azhar Harun, berkata kejayaan syarikat dan produk yang dikeluarkan bergantung kepada penerimaan bukan saja di peringkat antarabangsa tetapi dalam negara.

"Cabaran terbesar ialah untuk diterima di Malaysia dan disokong rakyat negara ini. Ketika ini maklum balas yang diterima dari luar negara terhadap produk ini sangat baik," katanya.

Beliau berkata, syarikat kini menumpukan untuk mewujudkan asas tempatan dalam pembangunan produk supaya negara tidak bergantung kepada negara luar dalam teknologi dan kepakaran.

"Kami mahu tingkatkan R&D termasuk menggalakkan pakar tempatan. Jika ini berjaya, kami mampu menjadi entiti global dalam tiga tahun," katanya.